



**TINJAUAN TAHAP PENGGUNAAN MEDIA INSTRUKSIONAL DAN
PENGAMATANNYA DI KOLEJ MATRIKULASI PERAK**

TAN WAI YING



**PENULISAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012





PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

3hb Mei 2012

TAN WAI YING
M20091000327





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which I have been duly acknowledged.

3rd May 2012

TAN WAI YING
M20091000327



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dalam usaha untuk menghasilkan kertas cadangan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tak terhingga khas ditujukan kepada penyelia yang saya hormati, Prof Madya Dr. Abd Latif Bin Haji Gapor kerana dengan bantuan, bimbingan, tunjuk ajar, pendapat dan masa beliau telah membolehkan terhasilnya penulisan ini. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada para pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mendoakan kejayaan dan menghalalkan segala ilmu.

Kepada tunang saya yang dikasihi, jutaan terima kasih diucapkan kerana banyak membantu, serta memahami dan memberikan sokongan. Tidak lupa kepada keluarga saya yang juga memberi sokongan dari segala segi.

Terima kasih kepada semua rakan-rakan, terutamanya rakan-rakan sekerja Kolej Matrikulasi Perak di atas bantuan dan sokongan yang diberikan. Semoga penulisan ini memberikan sumbangan terhadap perkembangan pengetahuan dalam penyelidikan selanjutnya.

Segala yang baik adalah dari Tuhan dan segala kelemahan dan kekurangan adalah dari pihak saya.





ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan meninjau tahap penggunaan media instruksional dalam P&P di Kolej Matrikulasi Perak. Kajian ini juga menguji sama ada wujudnya korelasi yang signifikan antara penggunaan komputer dan tahap pengamatan pelajar dengan gred pelajar. Responden kajian terdiri daripada 99 orang pelajar yang dipilih secara rawak. Pengumpulan data telah dibuat dengan menggunakan soal selidik. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik seperti kekerapan, peratusan, ujian-t, ANOVA sehala dan korelasi pearson. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penggunaan media instruksional dalam P&P masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jurusan dari segi kekerapan penggunaan media dan tahap pengamatan. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengamatan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Penemuan juga mendapati bahawa gred pelajar adalah tidak dipengaruhi oleh tahap penggunaan media dan pengamatannya terhadap penggunaan media. Kesimpulannya, tahap penggunaan media perlu ditingkatkan lagi bagi mewujudkan P&P yang lebih efektif dan bermakna.





ABSTRACT

The purpose of the research is to evaluate the application of instructional media in P&P at Perak Matriculation College. This research also use to determine whether there are significant correlation between the usage of computer and the student level of acceptance with their grade. The research was performed on 99 students which were randomly selected. Data collection was through the survey questionnaire. The data was then analysed using statically method such as frequency, percentage, t-test, one way ANOVA and Pearson Correlation. The finding showed that the level of the use of electronic medium in teaching is low. However there is no significant difference between subjects related to level of application media and the student acceptance level. The finding also shows that the level of instructional media acceptance did not have significant differences between the genders. In addition, the student grade is not influence by the level of instructional media usage and acceptance. The media usage in classroom needs to be increased as this will ensure the teaching and learning to be more effective and relevant.





KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

iii

DECLARATION

iv

PENGHARGAAN

v

ABSTRAK

vi

ABSTRACT

vii

SENARAI KANDUNGAN

viii

SENARAI JADUAL

xiii

SENARAI RAJAH

xv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Hipotesis Kajian	5
1.6	Kesignifikanan Kajian	6
1.7	Rasional Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	8
1.9	Kerangka Konseptual	8
1.10	Definisi Operasi	9
1.10.1	Media Instruksional	9
1.10.2	Teknologi Sebagai Media	10





1.10.3	Pemilihan Dan Penggunaan Media Instruksional	11
1.10.4	Kekerapan Penggunaan Media Instruksional	11
1.10.5	Pengamatan Pelajar Terhadap Pemilihan Dan Penggunaan Media Instruksional	12

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Media Instruksional	13
2.3	Jenis-Jenis Media Dalam Kajian Ini	15
2.3.1	Papan tulis	15
2.3.2	OHP	15
2.3.3	Komputer	16
2.3.4	Bahan bercetak	16
2.3.5	Video	17
2.3.6	Internet	17
2.3.7	CD-ROM	18
2.4	Penggunaan Media Dalam Pendidikan	18
2.5	Kepentingan Media	19
2.6	Pemilihan Dan Penggunaan Media Dalam Model Reka Bentuk Instruksional	22
2.6.1	Model ASSURE oleh Heinich, Molenda, Russell & Smaldino (1993)	23
2.6.2	Model Reiser dan Dick (1996)	26
2.7	Faktor-Faktor Pemilihan Media	29
2.8	Kelebihan Penggunaan Media	31
2.9	Masalah-Masalah Penggunaan Media Pengajaran	33
2.10	Rumusan	33



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Pemilihan Kaedah Kajian	36
3.3	Reka Bentuk Kajian	36
3.4	Pemboleh Ubah Kajian	37
3.4.1	Pemboleh ubah bebas	37
3.4.2	Pemboleh ubah bersandar	37
3.5	Populasi Kajian	38
3.6	Sampel Kajian	38
3.7	Instrumen Kajian	39
3.8	Penganalisaan Data	41
3.8.1	Analisis Data Kajian	41
3.8.2	Kaedah Analisis Data Kajian	42
3.9	Rumusan	43

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1.	Pengenalan	44
4.2.	Kadar Tindak Balas Terhadap Soal Selidik	45
4.3.	Demografi Pelajar	45
4.3.1.	Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jantina	45
4.3.2.	Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jurusan	46
4.4	Tahap Pemilihan Dan Penggunaan Media Instruksional Semasa Pengajaran dan Pembelajaran	46
4.4.1	Apakah Media Instruksional Yang Menjadi Pilihan Utama Pensyarah Semasa Pengajaran dan Pembelajaran?	46
4.5	Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jurusan	51
4.5.1	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Akaun Dari Segi Penggunaan Media Instruksional?	51



4.6	Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jurusan	52
4.6.1	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Akaun Dari Segi Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional?	52
4.7	Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jantina Pelajar	55
4.7.1	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan Dari Segi Tahap Pengamatan Terhadap Penggunaan Media Instruksional?	55
4.8	Perkaitan Antara Gred Pelajar Dengan Kekerapan Penggunaan Media	57
4.8.1	Adakah Wujud Perkaitan Antara Gred Pelajar Dengan Kekerapan Penggunaan Media	57
4.9	Perkaitan Antara Gred Pelajar Dengan Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media	58
4.9.1	Adakah Wujud Perkaitan Antara Gred Pelajar Dengan Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media?	58
4.10	Rumusan	58

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1.	Pengenalan	60
5.2.	Perbincangan Dapatan Kajian	60
5.2.1.	Persoalan 1: Apakah media instruksional yang menjadi pilihan utama pensyarah semasa P&P?	61
5.2.2.	Persoalan 2: Adakah terdapat perbezaan kekerapan penggunaan media instruksional yang signifikan antara Jurusan Hayat, Sains Fizikal dan Akaun?	63

5.2.3.

Persoalan 3:

Adakah terdapat perbezaan tahap pengamatan yang signifikan antara Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun terhadap penggunaan media instruksional di kalangan pensyarah?

63

5.2.4.

Persoalan 4:

Adakah terdapat perbezaan tahap pengamatan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap penggunaan media instruksional di kalangan pensyarah?

65

5.2.5.

Persoalan 5:

Adakah wujud perkaitan antara gred pelajar dengan kekerapan penggunaan media?

66

5.2.6.

Persoalan 6:

Adakah wujud perkaitan antara gred pelajar dengan tahap pengamatan pelajar terhadap penggunaan media?

66

5.3.

Kesimpulan Kajian

67

5.4.

Cadangan Kajian

67

5.5.

Rumusan

68

RUJUKAN

69

LAMPIRAN

73

Lampiran A Instrumen Kajian

73



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Taburan Data Bilangan Sampel Kajian Mengikut Jantina	38
3.2 Skala Respon Lima Mata Bagi Kekerapan Penggunaan Media	40
3.3 Skala Respon Lima Mata Bagi Pengamatan Terhadap Penggunaan Media	40
3.4 Julat Skor Min Tahap Penggunaan Media Dan Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media	42
4.1 Taburan Data Bilangan Sampel Kajian Mengikut Jantina	46
4.2 Taburan Data Bilangan Sampel Kajian Mengikut Jurusan	46
4.3 Kekerapan Penggunaan Media Instruksional Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran	47
4.4 Min Kekerapan Penggunaan Media Mengikut Jurusan	51
4.5 Keputusan ANOVA Terhadap Min Kekerapan Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jurusan	52
4.6 Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jurusan	53
4.7 Keputusan ANOVA Bagi Tahap Pengamatan Terhadap Penggunaan Media Instruksional Berasaskan Jurusan	54
4.8 Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional Mengikut Jantina	55
4.9 Keputusan Ujian-t terhadap Tahap Pengamatan Berasaskan Jantina	56





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- | | | |
|------|---|----|
| 4.10 | Perkaitan Antara Gred Pelajar Dengan Kekerapan Penggunaan Media Instruksional | 57 |
| 4.11 | Perkaitan Antara Gred Pelajar dengan Tahap Pengamatan Pelajar Terhadap Penggunaan Media Instruksional | 58 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Perhubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar	9
1.2	Teknologi Sebagai Media	11
2.1	Penggunaan Pelbagai Media Instruksional Semasa P&P	18
2.2	Model Reiser Dan Dick (1996)	26
2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Dan Penggunaan Media Pengajaran (Romiszowski, 1992)	31





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Newby, Stepich, Lehman & Russell (2000), pandangan tradisional terhadap pengajaran dan pembelajaran ialah guru berdiri dan menyampaikan isi kandungan, manakala pelajar duduk dan menerima.

Profesionalisme seseorang guru dapat dipertingkatkan dengan pelbagai cara. Salah satu daripada caranya adalah dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan media pengajaran semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bagi menghasilkan pengajaran yang efektif, guru mesti merancang aktiviti yang akan dijalankan di dalam bilik darjah secara sistematik (Reiser & Dick, 1996).

Media pengajaran adalah sebahagian daripada pelan pengajaran. Media merupakan alat yang menyampaikan pengajaran kepada pelajar. Media bertujuan untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta bermakna sekaligus membantu pencapaian matlamat pembelajaran. Dalam





melaksanakan pengajaran yang berjaya, perancangan yang teliti adalah perlu di mana matlamat pembelajaran yang khusus mengikut sukatan pelajaran, perancangan aktiviti, pemilihan media yang tepat dan berkesan, satu set alat pengukuran bagi mengukur pencapaian pelajar dan kawalan atau bimbingan guru yang baik perlu dikawal.

Pemilihan media merupakan usaha yang berterusan yang perlu diadakan dalam mencapai sesuatu pengajaran yang berkesan. Penggunaan media dalam proses pengajaran adalah usaha untuk mempergiatkan pencapaian kecemerlangan akademik. Para pensyarah di kolej matrikulasi turut terlibat dalam usaha pemilihan dan penggunaan media untuk merancang dan melaksanakan pengajaran mereka.



1.2 Pernyataan Masalah



Cabaran pendidikan kini mengalami gelombang perubahan yang semakin ketara. Ini termasuklah kewujudan kolej matrikulasi yang menjurus ke arah bidang sains dan teknologi serta bidang perniagaan. Justeru itu, penggunaan media perlulah dititik beratkan dalam pengajaran pensyarah-pensyarah agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif. Penggunaan media bukanlah perkara baru dalam dunia pendidikan kini. Oleh itu, para pensyarah perlu bijak memilih media instruksional yang paling sesuai untuk para pelajarnya. Ini adalah kerana media dapat membantu pensyarah untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bermakna dan menarik. Pensyarah haruslah melakukan anjakan paradigma dalam pengajaran mereka dan tidak semata-mata menggunakan papan putih dengan kaedah 'chalk and talk' dalam pengajaran. Ini kerana kaedah ini membosankan dan menurunkan motivasi pelajar





untuk belajar. Pensyarah perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan pelajaranya dengan pelbagai media yang mampu membantu kefahaman dan menolong pelajar ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Persoalannya, sejauh manakah penggunaan media di kalangan pensyarah di Kolej Matrikulasi Perak dalam proses pengajaran dan pembelajarannya? Adakah prestasi pelajar dipengaruhi oleh tahap penggunaan media instruksional semasa pengajaran dan pembelajaran? Adakah prestasi pelajar turut dipengaruhi oleh tahap pengamatan pelajar terhadap penggunaan media instruksional?

1.3 Objektif kajian



Tajuk ‘Tinjauan Tahap Penggunaan Media Instruksional dan Pengamatannya di Kolej Matrikulasi Perak’ ini dipilih adalah berdasarkan kesedaran untuk mengetahui sejauh manakah media yang disediakan oleh pihak kolej dipilih dan digunakan oleh pensyarah dan adakah media yang digunakan adalah diamati atau disukai oleh para pelajar.

Melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik dapat mengetahui sama ada pensyarah menggunakan media yang disediakan oleh pihak kolej dan sama ada penggunaan media tersebut diamati oleh pelajar.





1.4 Persoalan Kajian

1. Adakah media instruksional yang menjadi pilihan utama pensyarah semasa pengajaran dan pembelajaran?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pengamatan pelajar terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap pengamatan terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
5. Adakah wujud perkaitan antara gred pelajar dengan kekerapan penggunaan media?
6. Adakah wujud perkaitan antara gred pelajar dengan tahap pengamatan pelajar terhadap penggunaan media?





1.5 Hipotesis Kajian

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan tahap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun.

H_{A1} : Terdapat perbezaan tahap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun.

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan tahap pengamatan terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun.

H_{A2} : Terdapat perbezaan tahap pengamatan terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal dan Akaun.

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan tahap pengamatan terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

H_{A3} : Terdapat perbezaan tahap pengamatan terhadap penggunaan media instruksional yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.





1.6 Kesignifikanan Kajian

Pemilihan media yang sesuai dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat dan seterusnya mempertingkatkan lagi kefahaman pelajar.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada guru-guru agar mereka dapat mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan pengajaran mereka menggunakan media yang sesuai.

Hasil kajian ini dapat membantu guru-guru untuk mengetahui pengamatan atau kesukaan pelajar terhadap penggunaan media seperti komputer, *overhead projector* (OHP) dan papan tulis dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, guru dapat merancang dan memilih media yang sesuai yang diamati atau disukai oleh pelajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada para pendidik bagi memilih dan menggunakan media yang sesuai agar dapat menarik minat dan meningkatkan pencapaian pelajar. Dengan demikian, guru-guru harus pandai menyesuaikan penggunaan media dengan isi pengajaran yang hendak disampaikan.

Guru-guru harus sedar dan peka dengan keperluan pelajar. Mereka tidak harus hanya memikirkan tanggungjawab mereka untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar semata-mata, tetapi juga memikirkan sudut yang berpihak kepada pelajar itu sendiri iaitu bagaimana pelajar dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran itu dengan baik dan berkesan.





1.7 Rasional Kajian

Kajian menunjukkan bahawa pelbagai bentuk media dan proses pemilihan dan penggunaan secara langsung memberi kesan kepada apa yang dilihat oleh pelajar dan bagaimana mereka mengekalkan dan melihat kembali maklumat (Kozma, 1991).

Kelebihan media elektronik dalam pendidikan perlu dimanfaatkan oleh guru kerana media tersebut membantu dalam keupayaan input, paparan, penyimpanan, pencarian, penyalinan, perolehan, perhubungan, manipulasi, pengiraan, simulasi dan animasi (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010).

Menurut Newby, Stepich, Lehman & Russell (2000), media instruksional boleh digunakan oleh guru dan pelajar untuk:

- a. Membentangkan bahan dalam cara yang sedia diasimilasikan oleh pelajar.
- b. Menyampaikan bahan guru secara berasingan, membenarkan pelajar untuk mengawal bahan yang akan dirasai dari segi kuantiti dan waktunya.
- c. Membenarkan pelajar merasai bahan melalui pelbagai deria.
- d. Membekalkan pelajar dengan pengalaman yang berbagai-bagai dan berulang untuk membantu pelajar membina kefahaman dan maksudnya sendiri.
- e. Mendapatkan dan mengekalkan perhatian pelajar dalam mata pelajaran.
- f. Memotivasi pelajar terhadap matlamat tertentu.
- g. Menyampaikan maklumat dalam bentuk di mana pelajar tidak dapat mengalaminya secara individu.
- h. Menampung pelbagai size audien.




1.8 Batasan Kajian

Secara umumnya, terdapat pelbagai jenis media pengajaran. Namun, penyelidik hanya memberi penekanan terhadap media yang disediakan oleh pihak kolej sahaja. Kajian ini hanya terhad kepada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Kolej Matrikulasi Perak selama satu semester bagi sesi 2010/2011 sahaja. Saiz sampel kajian hanya terhad kepada 99 orang pelajar sahaja. Dapatan kajian ini tidak menggambarkan sepenuhnya penggunaan media setiap kolej matrikulasi di Malaysia. Dapatan kajian juga tidak menggambarkan tahap penggunaan media bagi setiap pensyarah di Kolej Matrikulasi Perak dan tahap pengamatan setiap pelajar terhadap media yang digunakan. Data yang diperolehi adalah bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden semasa menjawab item-item yang terkandung dalam soal selidik.

1.9 Kerangka Konseptual

Pemboleh ubah adalah suatu konsep yang diberi suatu nilai dan berfungsi sebagai pembeza dan nilainya boleh berubah-ubah. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut saling berkaitan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Penyelidik dalam kajian ini akan menentukan terdapatnya perhubungan antara dua pemboleh ubah yang berkaitan iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Dalam Rajah 1.1, menunjukkan perhubungan antara dua pemboleh ubah tersebut.



1.10 Definisi Operasi

Bahagian ini memberikan definisi secara operasi bagi beberapa istilah yang penting dalam kajian ini, iaitu

1.10.1 Media instruksional:

Media instruksional merupakan satu cara yang di mana maklumat boleh disampaikan kepada seorang pelajar (Heinich, Molenda, Russell, & Smaldino, 1993). Media merujuk kepada perisian dan perkakasan yang membawa maklumat bahan pengajaran.




Tambahan pula, media boleh dalam bahan bercetak, carta, pita video, cakera padat atau laman web (Abdul Latif, 2010).

1.10.2 Teknologi sebagai Media:

Menurut Bruce & Levin (1997), teknologi merupakan cara-cara bagaimana alat, teknik dan alat aplikasi teknologi boleh mendapatkan sokongan bersepadu, pembelajaran inkuiri untuk melibatkan kanak-kanak untuk meneroka, berfikir, membaca, menulis, menyelidik, mencipta, menyelesaikan masalah dan mengalami dunia. Mereka telah membangunkan idea teknologi sebagai media dengan empat fokus yang berbeza, iaitu i) media untuk inkuiri (seperti pemodelan data, *spreadsheet*, akses kepada pangkalan data dalam talian dan hiperteks), ii) media untuk komunikasi (seperti pemprosesan perkataan, emel, persidangan, perisian grafik, simulasi dan tutorial), iii) media untuk konstruk (seperti robotik, reka bentuk berbantuan komputer dan sistem kawalan) dan iv) media untuk ekspres (seperti video interaktif, animasi, perisian dan komposisi muzik).





Rajah 1.2 : Teknologi Sebagai Media

1.10.3 Pemilihan dan penggunaan media instruksional:

Media instruksional yang dipilih dan digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti pembelajaran. Penggunaan media bermaksud penggunaan alat atau bahan yang membawa mesej atau maklumat isi pelajaran yang direka bentuk untuk pengajaran pelajar (Abdul Latif, 2010).

1.10.4 Kekerapan penggunaan media instruksional:

Pandangan pelajar mengenai kekerapan penggunaan media untuk aktiviti pengajaran sepanjang mengikuti kursus di Kolej Matrikulasi Perak selama satu semester bagi sesi 2010/2011.



1.10.5 Pengamatan pelajar terhadap pemilihan dan penggunaan media instruksional:

Kesukaan pelajar mengenai penggunaan jenis-jenis media untuk aktiviti pengajaran sepanjang mengikuti kursus di Kolej Matrikulasi Perak selama satu semester bagi sesi 2010/2011.

